

Headline	Maybank IB kekalkan saranan 'beli'		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	21 Mar 2020	Language	Malay
Circulation	37,981	Readership	113,943
Section	EKONOMI	Page No	32
ArticleSize	151 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 2,696		



# Maybank IB kekalkan saranan 'beli'

**KUALA LUMPUR:** Maybank IB Research mengekalkan saranan 'beli' ke atas Tenaga Nasional Bhd, dengan harga sasaran tidak berubah pada RM14, berdasarkan asas kukuh syarikat tenaga itu.

Sehingga 10.34 pagi, saham Tenaga berada pada RM11.24, susut 18 sen, dengan 2.04 juta saham diniagakan.

Dalam nota, firma penyelidikan itu berkata cabaran semasa untuk Tenaga termasuklah potensi permintaan yang rendah dan diskaun tarif, bagaimanapun ini dijangka tidak akan memberi impak yang ketara kepada kewangan Tenaga berdasarkan rangka kerja tarif semasa.

"Susulan ekonomi Malaysia bergelut dengan impak daripada Covid-19, permintaan terhadap elektrik daripada segmen industri dan komersial berpotensi untuk terjejas.

"Bagaimanapun, Tenaga terlindung daripada impak turun naik

permintaan, dengan hanya segmen 'Perkhidmatan Pelanggan' tertakluk kepada risiko permintaan," katanya.

Sementara itu, sebagai sebahagian daripada Pakej Rancangan Ekonomi 2020, beberapa langkah berkaitan elektrik telah diumumkan iaitu diskaun tarif 15 peratus kepada segmen berkaitan pelancongan dan diskaun tarif dua peratus dari April hingga September 2020.

Tenaga menganggarkan jumlah kos sebanyak RM500 juta, dengan jumlah itu dibiayai sepenuhnya oleh Dana Industri Elektrik, menjadikan Tenaga neutral dari segi kewangan.

"Dengan harga arang batu di bawah rujukan setakat ini pada tahun ini, kami menjangka aliran masuk yang berterusan ke dalam Dana Industri dengan Tenaga dijangka amat baik mengenai kos penjanaan," menurut Maybank IB.

– Bernama